

**AMANAH SAHAM NASIONAL**

AMANAH SAHAM	HARGA / NAB
ASN	0.6558
ASN2	0.9388
ASN3	0.9623
ASB	1.0000
ASW 2020	1.0000
ASM	1.0000
ASD	1.0000
<b>ASG</b>	
Pendidikan	0.8467
Kesihatan	0.8716
Persaraan	0.8963

**TUKARAN ASING**

	Jualan RM	Belian RM	TT atau OD	RM TT
1 unit mata wang asing bagi setiap RM				
Dolar Amerika	3.5730	3.5080	3.4980	
Dolar Australia	2.7960	2.6750	2.6590	
Dolar Brunei	2.4470	2.3870	2.3790	
Dolar Kanada	3.1020	3.0260	3.0140	
Euro	4.8820	4.7630	4.7430	
Dolar New Zealand	2.1790	2.0830	2.0670	
Kina Papua N.Guinea	1.4160	1.1790	1.1630	
Dolar Singapura	2.4465	2.3870	2.3790	
Pound Sterling	5.5460	5.4110	5.3910	
Franc Switzerland	3.2360	3.1510	3.1360	
100 unit mata wang asing bagi setiap RM				
Dirham UAE	99.0700	93.7300	93.5300	
Taka Bangladesh	5.5200	5.2000	5.0000	
Renminbi China	N/A	N/A	N/A	
Krone Denmark	67.5200	62.0300	61.8300	
Dolar Hong Kong	46.9200	44.4400	44.2400	
Rupiah India	7.7900	7.1600	6.9600	
Rupiah Indonesia	0.0361	0.0310	0.0260	
Yen Jepun	3.7330	3.6430	3.6330	
Dolar Taiwan	N/A	N/A	N/A	
Krone Norway	57.4900	52.7800	52.5800	
Rupiah Pakistan	4.5400	4.2100	4.0100	
Peso Filipina	7.7200	7.2600	7.0600	
Riyal Qatar	99.7000	94.8300	94.6300	
Riyal Arab Saudi	96.7700	92.0500	91.8500	
Rand Afrika Selatan	43.7100	40.2200	40.0200	
Rupiah Sri Lanka	3.2100	2.9400	2.7400	
Krona Sweden	48.2900	43.9100	43.7100	
Baht Thailand	11.1400	9.4400	9.0400	

# Malaysia ke-18 paling berdaya saing di dunia

## Kerjasama sektor awam, swasta rangsang pencapaian

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan@bharian.com.my

**M**ALAYSIA meningkatkan kedudukannya dalam senarai negara paling berdaya saing di dunia daripada tempat ke-19 tahun lalu kepada ke-18 tahun ini.

Di kalangan negara Asia Pasifik, Malaysia berada di kedudukan keenam di belakang Hong Kong, Singapura, Australia, New Zealand dan Jepun, manakala di kalangan negara Asean pula di tempat kedua.

Mengikut 'World Competitiveness Yearbook 2009' yang dikeluarkan Institute for Management Development (IMD), sebuah institusi pengajian perniagaan utama global berpangkalan di Switzerland, bagi negara yang mempunyai pendapatan per kapita kurang AS\$20,000, Malaysia paling berdaya saing di kalangan 29 negara yang disenaraikan dalam kategori itu.

Di kalangan negara dengan penduduk lebih 20 juta pula, Malaysia di tempat keenam di belakang Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Jerman dan Jepun.

**FAKTA**

**Laporan Daya Saing Global 2009**

Ekonomi	KEDUDUKAN KESELURUHAN					
	2009		2008		2007	
	Indeks	Kedudukan	Indeks	Kedudukan	Indeks	Kedudukan
Amerika Syarikat	100.00	1	100.00	1	100.00	1
Hong Kong	98.146	2	94.964	3	93.541	3
Singapura	95.740	3	99.330	2	99.121	2
Switzerland	94.163	4	89.656	4	90.432	6
Denmark	91.741	5	83.852	6	91.926	5
Sweden	90.520	6	82.464	9	84.119	9
Australia	88.934	7	83.500	7	82.387	12
Kanada	88.708	8	82.852	8	83.824	10
Finland	88.373	9	75.025	15	77.337	17
Belanda	87.758	10	80.476	10	85.864	8
Norway	86.604	11	79.516	11	81.992	13
Luxemborg	86.274	12	84.405	5	92.207	4
Jerman	83.508	13	74.735	16	78.022	16
Qatar	81.995	14	-	-	-	-
New Zealand	79.621	15	73.374	18	75.506	19
Austria	79.294	16	75.028	14	83.184	11
Jepun	78.242	17	70.028	22	72.405	24
<b>Malaysia</b>	<b>77.162</b>	<b>18</b>	<b>73.199</b>	<b>19</b>	<b>74.091</b>	<b>23</b>
Ireland	76.956	19	77.638	12	81.856	14
China	76.595	20	73.758	17	79.484	15
United Kingdom	76.069	21	71.904	21	75.447	20
Belgium	75.965	22	68.746	24	71.543	25
Taiwan	75.390	23	77.359	13	76.050	18
Israel	73.425	24	72.408	20	74.321	21
Chile	70.933	25	64.173	26	68.567	26
Thailand	70.762	26	63.096	27	57.758	33
Korea	68.408	27	583884	31	61.564	29
Perancis	68.071	28	66.012	25	62.561	28

Buku tahunan yang disediakan oleh IMD itu menyenaraikan penarafan negara mengikut indeks daya saing mereka dengan mengambil kira empat faktor, iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur.

Indeks daya saing Malaysia meningkat kepada 77.162 ta-

hun ini berbanding 73.199 tahun lalu, iaitu yang tertinggi pernah dicatatkan, menggambarkan persekitaran daya saing Malaysia yang pesat.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Mustapa Mohamed, dalam taklimat media mengenai laporan terbaru IMD itu berkata, pencapaian

amat memberangsangkan itu hasil kerjasama sektor awam yang menyediakan infrastruktur mencukupi dan sektor swasta yang menjadi pemangkin pembangunan ekonomi.

"Sektor awam menerusi pelaksanaan polisi proaktif berjaya mempelbagaikan asas ekonomi, menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan jumlah eksport barangan.

"Pada masa sama sektor swasta turut menyumbang kepada peningkatan tahap daya saing ekonomi negara yang boleh dilihat menerusi faktor kecekapan perniagaan, yang menyaksikan Malaysia berada di kedudukan ke-13 berbanding ke-14 sebelum ini," katanya sambil menegaskan, kejayaan itu juga dicapai dalam persekitaran kos sara hidup yang stabil dan kadar tukaran asing yang kukuh.

Sementara itu, Mustapa berkata, Miti menerusi Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan menyiapkan kajian menggunakan model IMD bagi menilai daya saing semua negeri menjelang akhir tahun depan.